

**FAKTOR MOTIVASI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT TERHADAP  
PENINGKATAN KOMPETENSI PENGAJARAN BAHASA ARAB ERA  
ENDEMIK**  
**MOTIVATIONAL FACTORS OF LIFELONG LEARNING TOWARDS  
IMPROVING THE COMPETENCE IN TEACHING ARABIC DURING  
ENDEMIC ERA**Noor Shamshinar Zakaria\*<sup>1</sup>, Nor Azhan Norul'Azmi<sup>2</sup><sup>1</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, shamshinar@kuis.edu.my.<sup>2</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, norazhan@kuis.edu.my.

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

| Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022

| Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

**Abstrak**

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan khususnya terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta peningkatan tahap kompetensi guru. Faktor motivasi telah dikenal pasti sebagai pendorong seseorang guru melibatkan diri dalam PSH bagi menguasai segala ilmu dan kemahiran yang berkaitan ke tahap yang lebih optimum. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti sejauh mana faktor motivasi PSH mempengaruhi penglibatan guru Bahasa Arab bagi meningkatkan tahap kompetensi pengajaran mereka di era endemik. Pelaksanaan kajian ini adalah secara kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan dan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen dalam pengumpulan data. Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah rendah agama (SRA) di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Seramai 423 orang guru SRA yang mewakili semua daerah di Selangor terlibat dalam kajian ini. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 26.0. Dapatan kajian menunjukkan faktor motivasi, iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik memainkan peranan penting yang mendorong guru Bahasa Arab melibatkan diri dalam PSH dengan nilai min yang tinggi, iaitu ( $M = 4.38$ ,  $SD = 0.665$ ). Implikasi kajian menjelaskan bahawa motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik merupakan faktor yang menjamin penglibatan guru Bahasa Arab dalam PSH bagi mencapai tahap kompetensi pengajaran Bahasa Arab selain untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam profesionalisme keguruan. Justeru, semua pihak dan organisasi yang berkaitan dengan pembangunan profesionalisme keguruan perlu memperbanyakkan program dan latihan yang lebih sesuai dalam PSH untuk memberi peluang kepada para guru menambah pengetahuan, kemahiran dan memiliki peribadi yang unggul dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Arab yang berkesan.

**Kata kunci**

Motivasi Instrinsik, Motivasi Ekstrinsik, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kompetensi Pengajaran Bahasa Arab

**Abstract**

*Lifelong learning (LLL) plays an important role in education, especially towards the effectiveness of teaching and learning as well as upgrading the level of teacher's competence. The motivational factor has been identified as an incentive for a teacher to get involved in LLL in order to master all related knowledge and skills to the optimal extent. Thus, this study was conducted to identify which motivational factors of LLL influences the involvement of Arabic teachers aimed at improving their level of teaching competence in the endemic era. This study implements a quantitative method by a survey and uses a questionnaire as an instrument in data collection. The respondents of this study consist of teachers who teach Arabic subjects in religious primary schools (SRA) under the Selangor Islamic Religious Department (JAIS). A total of 423 SRA teachers representing all districts in Selangor were involved in this study. The obtained data was analyzed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 26.0. The findings of the study show that motivational factors, for example, intrinsic and extrinsic motivation, portray an important role in motivating Arabic teachers to engage in LLL with a high mean value, which is ( $M = 4.38$ ,  $SD = 0.665$ ). The implications of the study demonstrate that intrinsic motivation and extrinsic motivation are factors that guarantee the involvement of Arabic teachers in LLL to achieve a level of Arabic teaching competence in addition to improve the quality of service in teaching professionalism. Therefore, all parties and organizations related to the development of teaching professionalism need to increase the number of programs and training that supplies opportunity to increase their knowledge, skills and becoming superior personalities in the implementation of effective Arabic teaching.*

**Keywords**

*Intrinsic Motivation, Extrinsic Motivation, Lifelong Learning, Arabic Teaching Competence*

**1.0 Pengenalan**

Peranan guru masa kini semakin mencabar apabila berlaku perubahan demi perubahan dalam sistem pendidikan negara. Peralihan daripada fasa pandemik kepada endemik telah memberi cabaran baharu kepada guru dengan pelbagai kesukaran terhadap kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran yang berkesan. Walaupun demikian, guru perlu memastikan kualiti pengajarannya terus kekal mantap dan berkualiti bagi menghasilkan persekitaran pembelajaran yang positif, aktif dan efektif (Toharudin, M. 2020). Bagi menjamin pendidikan yang berkualiti, guru sewajarnya mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) kerana melalui PSH guru dapat meningkatkan diri dan profesion mereka (Rosezelenda Abdul Rahman, 2020). Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), guru digesa mengambil serius PSH sebagai amalan dalam kerjaya dengan menitikberatkan pembangunan latihan dan pembelajaran sepanjang perkhidmatan mereka. Guru juga disaran untuk

meningkatkan pengetahuan mereka secara profesional agar menjadi lebih efektif dan relevan sepanjang perkhidmatan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Hal ini dibuktikan oleh kajian Abdul Rahim Hamdan dan Lai (2015) yang melaporkan guru yang melibatkan diri dalam kursus pembangunan menunjukkan pengajaran yang efektif dan menghasilkan pembelajaran yang berkesan.

Bertitik tolak daripada pernyataan ini, perkembangan program PSH dilihat sebagai satu perancangan yang bijak oleh pihak kementerian untuk pembangunan profesionalisme keguruan. PSH dikaitkan dengan profesionalisme keguruan kerana seseorang guru belajar dan membina kemahiran baharu yang boleh digunakan di tempat kerja (Rosezelenda Abdul Rahman, 2020). Di Eropah, PSH merupakan satu cara untuk membangunkan modal insan melalui skim tentera dengan menekankan pembelajaran orang dewasa yang bersifat sepanjang hayat sejak tahun 1919 selepas Perang Dunia Pertama lagi (Field, 2001). Justeru, pembudayaan PSH dalam kalangan guru di Malaysia perlu ditekankan kerana guru merupakan tunjang sistem pendidikan dan pelaksana proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkualiti (Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi Abdul Razak & Husaina Banu Kenayathulla, 2015). Penglibatan guru dalam PSH memberi impak yang maksimum terhadap tugas guru seperti mana menurut Zurani Buang dan Mohamad (2019), peningkatan kemahiran kerja dapat dilaksanakan melalui PSH dan pendidikan yang berkualiti.

Namun, terdapat beberapa faktor yang menjadikan budaya PSH kurang mendapat sambutan dalam kalangan guru seperti wujudnya halangan dari aspek diri sendiri dan juga pada peringkat institusi (Rosezelenda Abdul Rahman, 2020). Budaya PSH seharusnya diberi penekanan serius kepada golongan guru kerana pembangunan modal insan adalah melalui pendidikan berkualiti yang datang daripada seorang guru. Bagi Ghani dan Adnan (2017), tugas pengajaran melibatkan proses pembelajaran secara berterusan yang merupakan satu proses penambahbaikan secara individu atau berkumpulan yang memerlukan guru merefleksi, memperbaharui dan meningkatkan komitmen sebagai agen perubahan dalam pendidikan. Begitu juga pembangunan guru melibatkan tugas berterusan untuk melupakan kaedah lama dan mempelajari pengetahuan baharu (Norazlinda & Surendran, 2019) bagi melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran seiring dengan perkembangan dan perubahan pendidikan semasa. Justeru, guru yang berkualiti bukan sahaja perlu memberi penekanan kepada kemajuan pelajar, tetapi juga sentiasa menambah baik pengetahuan dan kemahiran mereka demi kemajuan diri sendiri.

Kajian yang dilakukan oleh Rosezelenda Abdul Rahman (2020) terhadap faktor penglibatan guru dalam PSH mendapati motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik merupakan faktor pendorong yang membolehkan guru melibatkan diri dalam PSH. Kedua-dua motivasi ini menjadi aspek pendorong yang banyak membantu guru-guru melaksanakan tugas dengan baik. Motivasi intrinsik menekankan aspek perubahan untuk memperolehi kejayaan yang datang daripada sifat dalaman diri individu, manakala motivasi ekstrinsik merujuk kepada dorongan dalam diri untuk melakukan perubahan ke arah yang lebih baik disebabkan oleh faktor persekitaran atau sokongan daripada luar. Maka, guru perlu membudayakan PSH sepanjang perkhidmatan mereka bagi meningkatkan ilmu, kemahiran dan diri sendiri seperti hasrat Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016).

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti sejauh mana faktor motivasi mendorong guru-guru Bahasa Arab melibatkan diri dalam PSH bagi meningkatkan tahap kompetensi dan keberkesanan pengajaran. Diharap kajian ini akan dapat menarik lebih ramai penyertaan para guru dalam PSH. Hasil kajian juga diharap boleh

dijadikan sebagai kayu ukur dalam menggalakkan guru-guru melibatkan diri dalam PSH dan sebagai panduan kepada pentadbir urus latihan dan kursus PSH untuk mengenal pasti dan menentukan kursus-kursus yang sesuai dengan keperluan guru.

## 2.0 Permasalahan kajian

Penglibatan guru Bahasa Arab dalam PSH perlu menjadi satu mekanisme untuk meningkatkan kompetensi pengajaran guru. Kompetensi pengajaran merupakan faktor yang penting bagi menjayakan segala matlamat dan mencapai objektif pengajaran Bahasa Arab. Guru Bahasa Arab perlu kompeten sebagai pendidik yang profesional, mahir dalam pedagogi pengajaran, berkebolehan menyalurkan kurikulum, berkaliber mengurus penilaian serta menguasai ilmu Bahasa Arab dengan baik (Zaini, Zakaria, Ismail, Ghazali & Hamdan (2020). Samsuiman, Benjaman, & Arifin (2014) turut menyatakan bahawa pengajaran yang berkualiti perlu disampaikan oleh guru yang mempunyai kemahiran pedagogi yang tinggi kerana ia turut menyumbang kepada prestasi dan penguasaan pelajar.

Bagi merealisasikan kompetensi pengajaran Bahasa Arab, guru perlu bersedia dengan pengetahuan dan kemahiran yang mantap. Taat dan Ariffin (2020) menyebut tentang aspek pengajaran yang berperanan besar dalam menjana kejayaan pengajaran Bahasa Arab. Guru yang kompeten mempunyai kebolehan dan keupayaan menghasilkan pengajaran Bahasa Arab yang berkualiti melalui pengetahuan dan kemahiran yang luas dalam pedagogi Bahasa Arab. Keseimbangan antara pengetahuan dan pedagogi ini dapat mencipta suasana pembelajaran yang berkesan di samping menyumbang idea baharu.

Namun, masih terdapat isu mengenai tahap kompetensi guru yang masih rendah dalam melaksanakan pedagogi yang sesuai dalam pengajaran Bahasa Arab (M. Amarudin Shuheb, 2016; Zaini, Zakaria, Ismail, Ghazali, & Hamdan, 2020). Kajian-kajian lepas telah mendapati pengajaran yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Arab dalam kelas sangat terhad di mana ia berorientasikan peperiksaan dan kebergantungan kepada buku teks semata-mata (Al-Muslim & Zamri Arifin, 2012, Azman Che Mat & Goh Ying Soon, 2010). Al-Muslim Mustapa dan Zamri Arifin (2012) melaporkan guru Bahasa Arab mengakui bahawa mereka mempunyai masalah dalam memahami dan melaksanakan pendekatan pengajaran komunikasi dan kemahiran-kemahiran tertentu, kegagalan dalam berinteraksi yang baik antara guru dan pelajar (Norul'Azmi & Zakaria, 2022). Terdapat juga guru Bahasa Arab yang kurang mempunyai keyakinan dan kepercayaan terhadap pelajar mereka (Rosni Samah, 2012) sehingga guru kerap menggunakan kaedah terjemahan sebagai jalan mudah untuk menyampaikan pelajaran yang akhirnya menghasilkan pelajar yang bersifat pasif.

Terkini, guru Bahasa Arab masih lagi bergantung kepada kaedah pengajaran tradisional dan lemah dalam menguasai teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran yang menyebabkan pelajar menjadi pasif dan berasa bosan dengan pembelajaran (Hilmi, Mohd Zakaria & Nur Fuad (2020). Selain itu, Zakaria dan Mahalle (2017) juga melaporkan bahawa terdapat sikap guru Bahasa Arab yang tidak berminat untuk melakukan perubahan dalam kaedah pengajaran mereka. Situasi ini menggambarkan satu fenomena yang tidak efisien terhadap pembelajaran pelajar. Menurut Hilmi et al. (2020) lagi, guru lebih gemar menggunakan pendekatan dengan memberi kuliah kerana ia dianggap lebih mudah dan menjimatkan masa. Manakala Hussain, Yusoff, Lubis dan Jusoh (2020) mendakwa, terdapat sikap guru yang tidak mengambil berat

tentang pengajaran berkesan dan bersikap sambil lewa dengan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang berbentuk teknologi.

Berdasarkan beberapa isu dan masalah dalam pengajaran Bahasa Arab yang dinyatakan, sudah pasti fenomena ini memberi tanggapan yang negatif terhadap pendidikan Bahasa Arab amnya dan kewibawaan guru dalam pengajaran Bahasa Arab khususnya. Seharusnya, guru bersedia dan mampu melaksanakan tugas hakiki sebagai pendidik bagi menentukan keberkesanan pengajarannya. Guru perlu mempunyai inisiatif untuk membangunkan diri dalam kerjaya keguruan dan sentiasa melakukan penambahbaikan bagi menjamin kualiti pengajaran. Antara kesediaan guru adalah penglibatan mereka dalam PSH yang dapat memberikan nilai tambah terhadap profesion mereka. Melalui penglibatan dalam PSH, pelbagai pengetahuan dan latihan kemahiran yang berkaitan dengan tugas mereka dapat diperolehi. Peningkatan terhadap pengetahuan dan kemahiran terutamanya pedagogi dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) sangat berkait rapat dengan dunia pendidikan hari ini yang berdepan era pasca pandemik atau fasa endemik selepas berlakunya wabak COVID-19.

Justeru, kajian ini dilakukan untuk mendapatkan satu mekanisme yang boleh dijadikan panduan atau sumber rujukan kepada para guru Bahasa Arab bagi mempertingkatkan kompetensi pengajaran Bahasa Arab. Faktor motivasi yang merupakan pendorong kepada penglibatan guru dalam PSH mampu menjadikan pengajaran guru lebih berkesan sepanjang perkhidmatan mereka melalui kompetensi pengetahuan dan latihan-latihan kemahiran yang relevan dengan dunia pendidikan alaf baru.

### 3.0 Metodologi

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Populasi kajian melibatkan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah rendah agama dalam setiap daerah di negeri Selangor. Terdapat 3 jenis sekolah rendah agama yang dipilih mewakili setiap daerah, iaitu Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) dan sekolah agama Kelas Agama Fardhu Ain Integrasi (KAFAI) yang terletak di daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Petaling, Gombak, Klang, Kuala Langat, Sepang dan Hulu Langat. Ketiga-tiga jenis sekolah agama ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana ciri-ciri sekolah yang mempunyai sejarah penubuhan yang kukuh, perkembangan kurikulum yang sistematik, guru-guru yang berpengalaman dan menjalani tempoh perkhidmatan yang panjang serta bilangan murid yang ramai.

Bilangan guru yang terlibat sebagai sampel dalam kajian ini adalah seramai 423 orang, iaitu bilangan yang sesuai mengikut kaedah pensampelan Krejcie dan Morgan (1970) daripada saiz populasi 7899 orang guru (Bahagian Pendidikan Islam, JAIS, 2021). Satu set soal selidik telah diedarkan kepada responden kajian untuk mendapatkan data. Instrumen pengumpulan data yang terdiri daripada soal selidik telah dibina melalui ubah suai (adaptasi) dan petikan daripada sorotan literatur daripada kajian-kajian lepas. Item-item soal selidik ini juga telah melalui proses kebolehpercayaan, mendapat kesahan pakar dan menjalani penambahbaikan terlebih dahulu sebelum ia dijadikan sebagai instrumen sebenar. Seterusnya, data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26 untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item.

#### 4.0 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan, antaranya, penglibatan guru dalam PSH membolehkan mereka memperolehi pelbagai ilmu dan kemahiran yang terkini serta melakukan penambahbaikan terhadap aktiviti pengajaran sehingga mencapai tahap kompetensi yang optimum. Kajian ini dilakukan untuk memberi kepentingan kepada para guru Bahasa Arab khususnya, institusi pendidikan seperti sekolah dan penyedia latihan, organisasi yang terdiri daripada pembuat dasar, Bahagian Pendidikan JAIS, Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga keberhasilan murid amnya. Selain itu, kepentingan kajian ini memberi ruang kepada semua guru Bahasa Arab sebagai persediaan terhadap cabaran Revolusi Industri 4.0 dan pembelajaran abad ke-21 (PAK-21). Di era endemik, guru menghadapi satu perubahan besar dalam proses PdP. E-pembelajaran dan kaedah pengajaran secara *hybrid* telah menjadi satu kaedah pengajaran baharu dan amat dominan dalam semua proses PdP. Guru-guru bukan hanya melaksanakan PdP secara bersemuka di bilik darjah sebaliknya melaksanakan pengajaran secara dalam talian. Guru perlu bersedia menghadapi situasi ini dan mahir dalam penyampaian secara dalam talian sepertimana penyampaian guru secara bersemuka di bilik darjah. Justeru, melalui PSH guru memperoleh pelbagai ruang untuk meneroka kemahiran-kemahiran pengajaran Bahasa Arab dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi bagi mewujudkan suasana PdP dalam bilik darjah yang lebih menarik.

#### 5.0 Dapatan Kajian

Faktor motivasi PSH guru-guru Bahasa Arab dalam kajian ini dikira dengan nilai purata. Analisis deskriptif dalam kajian ini melibatkan nilai min dan sisihan piawai. Jadual 1 menunjukkan analisis deskriptif bagi tahap motivasi PSH guru Bahasa Arab. Jadual ini menunjukkan tahap motivasi PSH dalam kalangan guru Bahasa Arab adalah tinggi, iaitu ( $M = 4.38$ ,  $SD = 0.653$ ). Manakala, min skor bagi setiap sub-konstruk motivasi PSH adalah tinggi; motivasi intrinsik ( $M = 4.38$ ,  $SD = 0.641$ ) dan motivasi ekstrinsik ( $M = 4.38$ ,  $SD = 0.665$ ).

**Jadual 1: Tahap motivasi Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Konstruk/Sub-konstruk/Indikator	Min skor, M	Tahap	Sisihan piawai, SD
<b>Motivasi Intrinsik</b>	<b>4.38</b>	<b>Tinggi</b>	<b>0.641</b>
Mempunyai semangat untuk meningkatkan kualiti diri.	4.61	Tinggi	0.525
Mempunyai kompetensi pengetahuan atau kemahiran pengajaran yang optimum.	4.50	Tinggi	0.554
Mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi.	4.44	Tinggi	0.620
Berpengetahuan tentang kompetensi pedagogi terkini; strategi pengajaran dan penilaian murid.	4.43	Tinggi	0.615
Mempunyai komitmen kepada pembelajaran seumur hidup.	4.42	Tinggi	0.651

Mempunyai kemahiran menggunakan komputer dan laman sesawang.	4.36	Tinggi	0.652
Berkebolehan melakukan kajian tindakan.	4.14	Tinggi	0.726
Meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan teknologi ICT.	4.27	Tinggi	0.691
Berkebolehan terhadap kemahiran pengajaran mengikut situasi semasa.	4.35	Tinggi	0.605
Meningkatkan kemahiran literasi untuk memproses maklumat.	4.31	Tinggi	0.631
<b>Motivasi Ekstrinsik</b>	<b>4.38</b>	<b>Tinggi</b>	<b>0.665</b>
Menerima perubahan dan cabaran pendidikan alaf baharu.	4.43	Tinggi	0.608
Meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam profesionalisme keguruan.	4.48	Tinggi	0.571
Mengambil peluang terhadap tawaran daripada organisasi untuk mempelajari perkara baharu dalam bidang pedagogi.	4.43	Tinggi	0.596
Memperolehi pengalaman terhadap amalan pedagogi bersama pendidik lain.	4.45	Tinggi	0.593
Menggunakan teknologi digital bagi tujuan perkongsian pengalaman.	4.36	Tinggi	0.637
Memperolehi pengetahuan mengenai pengurusan memotivasikan murid.	4.36	Tinggi	0.594
Mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan warga pendidik.	4.43	Tinggi	0.592
Mewujudkan kerjasama guru secara profesional bagi tujuan bertukar pengetahuan dan pengalaman.	4.47	Tinggi	0.583
Mendapat tawaran cuti belajar dan gaji penuh sepanjang tempoh belajar.	4.07	Tinggi	1.011
Memperoleh pengetahuan mengenai pengurusan meningkatkan pencapaian hasil pembelajaran murid.	4.35	Tinggi	0.657
<b>KESELURUHAN</b>	<b>4.38</b>	<b>Tinggi</b>	<b>0.653</b>

Nota: Rendah = 1.00-2.33, Sederhana = 2.34-3.66, Tinggi = 3.67-5.00. Sumber: Awang et al. (2019)

## 6.0 Perbincangan

Dapatan kajian mendapati min skor bagi kedua-dua jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik menunjukkan tahap tinggi. Secara tidak langsung, motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik merupakan faktor pendorong penglibatan guru Bahasa Arab dalam PSH. Nilai min yang tertinggi menunjukkan guru Bahasa Arab mempunyai motivasi yang sangat memberangsangkan untuk meningkatkan kualiti diri. Dapatan ini hampir sama dengan kajian oleh Nur Farida (2021) yang menyatakan faktor motivasi guru dalam PSH adalah bagi meningkatkan kualiti diri, dan guru yang mempunyai motivasi tersebut dikatakan mempunyai dorongan diri yang cukup hebat dan dapat melaksanakan pengajaran dengan berkesan. Begitu juga faktor motivasi intrinsik yang mendorong guru Bahasa Arab dalam PSH adalah untuk menguasai

pengetahuan dan kemahiran yang optimum sepertimana dapatan kajian oleh Clain (2016), Kaur dan Beri (2016). Selain itu, guru juga memiliki motivasi instrinsik yang kuat dalam PSH bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi yang berkesan dalam pengajaran. Hal ini bertepatan dengan tuntutan dalam kemahiran pedagogi yang menekankan supaya guru mempunyai kemahiran komunikasi yang baik ketika melaksanakan PdP (Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang, 2014; Zakaria, Norul'Azmi, & Baharuddin, 2019).

Faktor-faktor lain yang turut menunjukkan perkembangan yang positif ialah penglibatan guru dalam PSH adalah untuk memperkembangkan pengetahuan tentang kompetensi pedagogi terkini, memantapkan strategi pengajaran dan menguruskan tugas penilaian murid secara efisien. Menurut Norazlinda dan Surendran (2019), PSH menyediakan pelbagai ilmu, pengetahuan, kemahiran, latihan dan maklumat kepada guru untuk meningkatkan kecekapan dan keyakinan diri guru dalam melaksanakan tugas sebagai seorang guru. Apabila guru sentiasa dikemas kini dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai tambah yang baharu, maka kesan ke atas kerjaya mereka menjadikan seseorang guru itu lebih profesional, efektif dan dinamik sepanjang perkhidmatan mereka.

Tidak dinafikan juga bahawa perubahan-perubahan baharu yang berlaku dalam pendidikan alaf baharu seperti pendidikan digital (Lubis, Taib & Ismail, 2020), pembelajaran secara dalam talian dan penguasaan murid dalam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mendorong guru bermotivasi dalam PSH. Hal ini dapat dilihat daripada item-item yang menunjukkan guru Bahasa Arab sendiri terdorong dalam PSH bagi memperoleh kemahiran menggunakan komputer dan laman sesawang sesuai dengan keperluan abad ke-21, berkebolehan terhadap kemahiran pengajaran mengikut situasi semasa dan meningkatkan kemahiran literasi untuk memproses maklumat. Guru-guru juga mempunyai motivasi instrinsik untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan TMK (Rosezelenda Abdul Rahman, 2020).

Justeru, dapatan ini memberikan satu syor kepada guru Bahasa Arab supaya sentiasa mengekalkan motivasi instrinsik PSH sebagai langkah untuk meningkatkan kompetensi dalam pengajaran Bahasa Arab. Kompetensi pengajaran perlu dikuasai dengan baik oleh guru Bahasa Arab kerana setiap pengajaran Bahasa Arab adalah berorientasikan penguasaan kemahiran bahasa, minat dan sikap terhadap subjek tersebut (Zaini, Zakaria, Ismail, Ghazali & Hamdan, 2020). Guru Bahasa Arab yang mempunyai kompetensi pengajaran yang mantap akan dapat membantu dirinya mengenal pasti cara, kaedah atau pendekatan yang relevan bagi membangun dan meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Arab. Menurut Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad dan Nor Kamariah Kamaruddin (2020), cara dan tingkah laku dalam melakukan sesuatu pekerjaan sering dipengaruhi oleh faktor motivasi dan seterusnya mempengaruhi hasil pekerjaan. Apabila seseorang guru seronok dengan tugas atau aktiviti, mereka melihatnya sebagai peluang untuk terus belajar dan mengambil bahagian dalam PSH. Ciri-ciri guru seperti ini sentiasa dikaitkan dengan motivasi diri yang tinggi, lebih berhati-hati dalam menyiapkan sesuatu tugasan dan menitik berat kualiti kerja (Muhammad Ikmal Rezal Othman et al, 2020).

Walau bagaimanapun, guru Bahasa Arab mempunyai tahap motivasi instrinsik PSH yang rendah terhadap aspek pelaksanaan kajian tindakan (KT). Nilai min bagi item ini adalah yang terendah walaupun skor min masih tinggi. Sebagai seorang guru, penglibatan dalam KT merupakan satu tugas atau sebahagian daripada tanggungjawab guru. Guru merupakan individu utama dalam melaksanakan KT (Kalai Selvan Arumugha, 2019). Maka, KT merupakan satu bentuk penyelidikan ringkas yang

telah diperkenalkan di peringkat sekolah bertujuan untuk memastikan budaya penyelidikan dapat dipupuk dalam kalangan guru. KT juga membantu guru-guru untuk membuat penambahbaikan secara profesional dalam PdP. Justeru, tidak wajar bagi guru untuk mengabaikan tanggungjawab ini dan memandang KT sebagai sesuatu tugas yang tidak penting dan bukan daripada skop kerja mereka. Budaya penyelidikan melalui KT dapat memberi peluang kepada guru untuk menyelesaikan sendiri masalah-masalah yang timbul dalam PdP. Setiap guru perlu mengenal pasti setiap masalah yang berlaku dalam proses PdP dan perlu mengambil langkah penyelesaian agar setiap masalah yang timbul dapat diselesaikan dalam tempoh masa terdekat serta dapat melakukan tindakan yang relevan. Sehubungan dengan itu, penglibatan guru dalam KT akan menggalakkan mereka menjadi lebih sedar tentang amalan dalam kerjaya mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubahnya (Kalai Selvan Arumugha, 2019).

Dari aspek motivasi ekstrinsik, tahap motivasi guru Bahasa Arab dalam PSH adalah tinggi. Item yang tertinggi adalah faktor meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam profesionalisme keguruan (Norazlinda & Surendran 2019). Item-item lain juga menunjukkan tahap motivasi ekstrinsik guru Bahasa Arab berada pada tahap tinggi. Guru Bahasa Arab bersetuju bahawa penglibatan dalam PSH memberi mereka ruang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan tugas dan kerjaya mereka. Melalui PSH, mereka dapat mewujudkan kerjasama antara guru secara profesional bagi tujuan bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman, mempelajari penggunaan teknologi bagi tujuan perkongsian pengalaman dan kemahiran, mengetahui mengenai pengurusan dalam memotivasikan murid, amalan pedagogi bersama pendidik lain, mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan warga pendidik, persediaan terhadap perubahan serta cabaran pendidikan di alaf baharu dan komitmen untuk meningkatkan pengetahuan terhadap pengurusan serta pemerolehan hasil pembelajaran murid. Selain itu, kerjasama profesional juga boleh dilakukan antara guru dan pakar dalam industri tertentu kerana mereka yang berada dalam industri mempunyai kemahiran tersendiri dari segi idea dan pelaksanaan sesuatu kerja dalam dunia pekerjaan yang sebenar (Norul'Azmi & Zakaria, 2021).

Berdasarkan faktor motivasi ekstrinsik dalam PSH, secara kesimpulan ia lebih terkait dengan faktor kerjasama dan kolaborasi sesama guru dalam profesion keguruan. Situasi ini membuktikan bahawa guru melibatkan diri dalam PSH berdasarkan rasa tanggungjawab untuk saling membantu dalam perkara yang berkaitan kualiti PdP, memperkasa mutu perkhidmatan, pengurusan dan penilaian murid serta menambahkan lagi pengalaman yang bermakna bersama rakan-rakan guru. Selari dengan pernyataan oleh Zurani Buang dan Mohamad (2019), penglibatan guru dalam PSH adalah untuk meningkatkan kemahiran sosial dalam kalangan rakan sejawat. Di sinilah guru berpeluang untuk saling berkolaborasi, bekerjasama dan bantu membantu antara satu dengan yang lain supaya matlamat yang diinginkan dapat dicapai.

Walau bagaimanapun, tawaran cuti belajar dan memperolehi gaji penuh sepanjang tempoh belajar bukan menjadi faktor utama penglibatan guru dalam PSH. Item ini mempamerkan nilai yang terendah. Hal ini menunjukkan guru tidak mempunyai halangan sekiranya mereka ingin melibatkan diri dalam PSH sama ada atas faktor penolak diri sendiri atau pembiayaan sendiri. Mereka juga tidak menjadikan faktor tawaran cuti belajar dan perolehan gaji penuh sepanjang tempoh pembelajaran sebagai syarat untuk menyertai atau menyambung pengajian. Mereka hanya memerlukan masa yang sesuai untuk melibatkan diri dalam PSH sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan kemahuan mereka sendiri atau sekiranya mereka

mempunyai masa yang tepat. Secara amnya, tahap motivasi ekstrinsik guru Bahasa Arab dalam PSH lebih dipengaruhi oleh faktor kerjasama dan kolaborasi terhadap profesion yang sedang mereka laksanakan. Lain daripada itu, melalui kerjasama yang erat dan bersepadu antara rakan-rakan guru dapat meringankan bebanan tugas guru yang semakin kritikal.

Kesimpulannya, kedua-dua motivasi instrinsik dan ekstrinsik mempunyai pengaruh terhadap PSH dan memainkan peranan yang penting sebagai faktor penglibatan guru dalam PSH demi meningkatkan kompetensi pengajaran Bahasa Arab. Selain itu, PSH dijadikan medium untuk menambah baik mutu perkhidmatan dan profesionalisme keguruan. Ini kerana sistem pendidikan sentiasa mengalami perubahan dari masa ke masa terutamanya atas faktor perubahan teknologi yang semakin canggih dan juga keperluan murid untuk menerima pedagogi terkini. Demikian, guru perlu sentiasa peka dan bergiat aktif dalam kajian tindakan bagi menganalisis, membangun dan mempraktik PdP yang berkesan mengikut peredaran masa.

## 7.0 Implikasi dan Cadangan

Beberapa implikasi dan cadangan diketengahkan melalui hasil dapatan daripada kajian ini. Antaranya ialah:

1. Penguasaan dan peningkatan terhadap pengetahuan dan kemahiran guru Bahasa Arab amat diperlukan dalam proses pengajaran Bahasa Arab. Setiap guru perlu mempunyai kompetensi pengajaran dalam aspek pengetahuan dan kemahiran sepanjang melaksanakan tugas dan memiliki prestasi kerja yang berkualiti sepanjang kerjaya. PSH telah membuka ruang kepada guru untuk meningkatkan kecekapan dan pemerolehan kemahiran dalam perkhidmatan dan profesion keguruan. Maka, guru yang ingin memastikan mereka kekal relevan terutama dalam era endemik perlu menambah baik kemahiran mereka melalui penglibatan dalam proses PSH. Faktor motivasi PSH membuktikan guru Bahasa Arab yang berminat untuk mempelajari dan meningkatkan pengetahuan mereka bukan hanya terhadap diri sendiri, malah dalam aspek TMK, kolaborasi dan kerjasama sesama rakan sejawat, pedagogi dan cabaran pendidikan abad ini.
2. Bagi mengekalkan kualiti dan kompetensi pengajaran Bahasa Arab, latihan kemahiran yang berterusan perlu dilaksanakan agar guru dapat memperoleh kemahiran-kemahiran yang diperlukan sesuai dengan tuntutan dan mengikut perkembangan semasa. Program-program pembelajaran dan latihan seperti aplikasi pedagogi digital, kemahiran menggunakan BBM yang bersifat teknologi dan multimedia, pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah, kemahiran berkomunikasi yang berkesan khususnya komunikasi bukan lisan dan penyelidikan berbentuk kajian tindakan hendaklah dimasukkan dalam modul PSH. Selain itu, kemahiran berkaitan penyelesaian masalah juga perlu ditekankan dalam PSH memandangkan pelbagai masalah dan konflik sering timbul dalam organisasi dan pengurusan murid. Oleh itu, latihan untuk menangani masalah dan konflik dalam organisasi dan komunikasi berkesan diperlukan bagi meningkatkan kemahiran guru ketika berhadapan dengan situasi ini.
3. Kemahiran TMK yang semakin rancak diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan penglibatan guru dalam pembelajaran secara berterusan memandangkan kemahiran ini berbentuk teknikal. Kemahiran

menggunakan komputer, penggunaan laman sesawang, penggunaan media sosial dan cara-cara mengatasi cabaran terhadap teknologi TMK perlu disediakan dalam bentuk modul atau video bagi memudahkan proses pembelajaran. Penyediaan modul atau video yang bertepatan dengan keperluan guru perlu diterbitkan dan digunakan sebagai pembelajaran dan latihan secara lapangan atau praktikal (*hands-on*).

4. Pembukuan atau penjilidan modul yang digunakan dalam PSH perlu memenuhi keperluan guru-guru Bahasa Arab terhadap peningkatan kompetensi pengetahuan dan kepelbagaian kemahiran masa kini. Disarankan juga modul yang diterbitkan hendaklah dijilidkan secara digital supaya dapat dikongsikan kepada semua guru untuk dijadikan panduan semasa melaksanakan pengajaran Bahasa Arab. Sebagai tambahan, modul ini boleh diguna pakai oleh sekolah-sekolah atau program-program latihan guru yang sering dilaksanakan untuk guru-guru sebagai latihan dan pembelajaran. Bagi guru-guru novis, modul panduan seperti ini amat berguna dan bermanfaat sebagai pembelajaran dan latihan untuk meningkatkan kompetensi pengajaran mereka.
5. Dorongan dan minat guru Bahasa Arab dalam PSH perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Fungsi PSH adalah dengan mengenal pasti bentuk pembelajaran yang memenuhi kehendak guru sebagai satu tanda untuk memacu kelestarian PSH. Latihan-latihan dan pembelajaran yang dianjurkan perlu bersesuaian mengikut minat dan keperluan guru serta berdasarkan kecenderungan guru tersebut. Berdasarkan keperluan ini, pembangunan guru merupakan satu kemestian kepada pengurusan tertinggi di sekolah memandangkan program pembangunan yang berterusan dapat membantu meningkatkan kualiti guru dari semasa ke semasa.
6. Dorongan dan penglibatan dalam PSH bukan hanya kepada guru-guru, malahan dapat diaplikasikan kepada para pendidik di semua institusi seperti pensyarah, pegawai-pegawai yang berkecimpung dalam dunia akademik dan lain-lain bagi memperkasakan pengetahuan dan kemahiran khususnya dalam aspek penulisan, penerbitan dan penyelidikan yang bermutu tinggi.

## 8.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menekankan faktor motivasi PSH sebagai satu amalan yang sewajarnya dilaksanakan oleh semua guru bagi meningkatkan kompetensi pengajaran Bahasa Arab. Diharapkan kajian mengenai faktor motivasi ini dapat memberi sumbangan kepada pembangunan pembelajaran dan latihan bagi mendorong penglibatan guru-guru dalam PSH di samping membuka ruang penambahbaikan kepada program-program dan latihan yang dianjurkan dalam PSH supaya lebih berstruktur. Hal ini dapat direalisasikan dengan kerjasama erat antara guru sendiri, pihak sekolah, organisasi, bahagian latihan guru, pihak kementerian, bahagian pendidikan daerah atau negeri dalam mempergiatkan promosi PSH.

## Rujukan

- Abdul Rahim Hamdan & Lai, C. L. (2015). The relationship between teachers' factors and effective teaching. *Asian Social Science*, 11(12), 274-280. <https://doi.org/10.5539/ass.v11n12p274>.

- Al Muslim Mustapa & Zamri Arifin (2012). Pengajaran dan pembelajaran bahasa arab: satu tinjauan literatur di Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*, 278-285.
- Clain, A. (2016). Challenges in evaluating the EU's lifelong learning policies. *International Journal of Lifelong Education*, 35(1), 18-35. <http://doi.org/10.1080/02601370.2015.1125395>
- Field, J. (2001). Lifelong education. *International Journal of Lifelong Education*, 20(1-2), 3-15. <https://doi.org/10.1080/09638280010008291>.
- Ghani, M. F. A., & Adnan, A. K. (2017). Model program perkembangan profesionalisme guru malaysia satu kajian analisis keperluan di sekolah berprestasi tinggi dan sekolah berprestasi rendah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(2), 1-16.
- Hilmi, A., Mohd Zakaria, Z., & Nur Fuad, A. F. (2020). Tahap pengetahuan guru bahasa Arab dalam melaksanakan kelas berbalik [The level of knowledge Arabic language teachers in implementing flipped classroom]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(3), 50-67. <https://doi.org/10.33306/mjssh/81>.
- Hussain, F., Yusoff, N. M. R. N., Lubis, M. A. L. A., & Jusoh, M. Z. (2020). Amalan bahan bantu pengajaran guru dalam pengajaran nahu kurikulum bersepadu dini sekolah agama. *Jurnal'Ulwan*, 5(1), 134-145.
- Kalai Selvan Arumugha. (2019). Kajian Tindakan: Ke arah amalan PdPc berkesan. [https://www.researchgate.net/publication/341042330\\_Kajian\\_Tindakan\\_Kearah\\_Amalan\\_PdPc\\_Berkesan](https://www.researchgate.net/publication/341042330_Kajian_Tindakan_Kearah_Amalan_PdPc_Berkesan).
- Kaur, J., & Beri, A. (2016). Coping as a life skill for lifelong learning. *Man in India*, 96(5), 1366-1376.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Dasar pendidikan kebangsaan*. (Bahagian Perancangan dan Pendidikan Dasar Pendidikan, Ed.), *Kementerian Pelajaran Malaysia* (Ketiga). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). Laporan Tahunan 2015 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Kuala Lumpur: KPM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2015). Pembelajaran abad ke-21 : Amalan dan pelaksanaan di sekolah. *Buletin Anjakan*. Retrieved from [http://www.padu.edu.my/files/Anjakan\\_Bil\\_4\\_\(2015\)\\_Final.pdf](http://www.padu.edu.my/files/Anjakan_Bil_4_(2015)_Final.pdf)
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2016). Pelan induk pembangunan profesionalisme keguruan (PIPPK). *Kementerian Pendidikan Malaysia*, 1-53.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Education* (Vol.27). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>.
- Lubis, M. A. L. A., Taib, S. H., & Ismail, M. A. (2020). Inovasi sistem pendidikan dan strategi pengajaran bahasa Arab di era milenial 4.0. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 3(2), 9-20.
- M Amarudin Shuheb. (2016) *Kompetensi guru bahasa arab dalam pembentukan karakter siswa di madrasah aliyah salafiyah kajej pati*. Tesis Sarjana, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi & Husaina Banu. (2015). Strategi Implementasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad & Nor Kamariah Kamaruddin. (2020). Hubungan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik dengan pencapaian akademik pelajar UTHM. Kajian Kes di Malaysia. ISBN 978-967-2916-62-8 48.

- Norazlinda, S., & Surendran, S. (2019). Kelestarian pembangunan profesionalisme guru dalam pembelajaran sepanjang hayat. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 22, 1122. <https://doi.org/10.32890/jps.22.2019.12678>
- Norul'Azmi, N. A., & Zakaria, N. S. (2021). Mempraktik Kemahiran Bertutur dalam Bahasa Arab dan Khidmat Sosial Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek: Practicing Arabic Speaking Skills and Community Service Through Project-Based Learning. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 5(1), 77-90.
- Norul'Azmi, N. A., & Zakaria, N. S. (2022). Arabic teaching and learning strategies through SMALL: challenges and importance during COVID-19: Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa arab melalui SMALL: cabaran dan kepentingan semasa COVID-19. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 6(1), 1-14.
- Nur Farida. 2021. Fungsi dan Aplikasi Motivasi dalam Pembelajaran. *Education and Learning Journal*. 24 Vol. 2, No. 2, Juli 2021, pp. 118-125. E-ISSN 2720-9156)
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang. (2014). Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Pendidikan Ipta Di Utara Semenanjung Malaysia 4T(Communication Skill among Undergraduate Students of Education in Northern Malaysia), *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, ISSN: 2180-4842. Vol. 4, Bil. 2 (Nov. 2014): 44-56
- Rosezelenda Abdul Rahman. (2020). *Faktor penglibatan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan pegawai perkhidmatan pendidikan di Selangor*. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan (Perancangan dan Pentadbiran). Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya
- Rosni Samah (2012). Isu pembelajaran bahasa Arab. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), 286-300.
- Samsuiman, M. A., Benjaman, M. A., & Arifin, Z. (2014). Hubungan antara kualiti guru bahasa Arab dan kecenderungan minat pelajar dalam bahasa Arab. *Jurnal Kemanusiaan*, 12(1).
- Taat, M. S., & Ariffin, A. (2020). Penguasaan bahasa Arab: hubungannya dengan sikap murid dan pengajaran guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 13-23.
- Toharudin, M. (2020, September). Komunikasi dalam pembelajaran di era pandemi covid-19. In (*Webinar Seminar Nasional Pendidikan 2020*) (Vol. 1, No. 1, pp. 238-248).
- Zaini, A. R., Zakaria, N. S., Ismail, M. R., Ghazali, M. R., & Hamdan, H. (2020). Kompetensi guru bahasa Arab sekolah rendah di Malaysia: competency of arabic teachers in primary school in Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(1), 103-113.
- Zakaria, G. A. N., & Mahalle, S. (2017). Kajian amalan pengajaran guru bahasa Arab sekolah menengah di negara Brunei Darussalam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 3(1), 1-40.
- Zakaria, N. S., Norul'Azmi, N. A., & Baharuddin, H. (2019). Kemahiran komunikasi bukan lisan: satu kajian terhadap guru pelatih bukan opsyen dalam pengajaran bahasa Arab: Nonverbal communication skills: a study among non-option trainee teachers in teaching Arabic language. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 3(2), 1-10.

Zurani Buang, Mohamad, M.M. (2019). Kolaborasi dan komunikasi dalam kelestarian pembelajaran sepanjang hayat. *Online Journal For TVET Practitioners*. Vol.4 no. 2 (2019) 105–113.